

## **Portal Malaysia**

### **Subsidi Malaysia Catat Sejarah Tertinggi Dalam Negara**

Tahun ini, subsidi Malaysia dijangka mencelah RM80 bilion yang tertinggi dalam sejarah negara. Menurut Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz yang memetik angka **Jabatan Perangkaan Malaysia** berkata, tanpa subsidi inflasi negara boleh mencecah lebih daripada 12 peratus.

Berbanding dengan negara-negara ASEAN lain seperti Indonesia dengan kadar inflasi pada (+4.9 peratus), Filipina (+6.4 peratus), Singapura (+7.0) dan Thailand (+7.6 peratus), kadar inflasi Malaysia dianggap rendah.

Menurut Tengku Zafrul juga, kadar inflasi Malaysia ketika ini berada pada 2.8 peratus (Jan-Julai 2022), sejajar dengan sasaran Bank Negara Malaysia pada 2.2-3.2 peratus bagi 2022. Ketika ini, banyak negara di seluruh dunia mengalami tekanan inflasi disebabkan oleh kenaikan input pengeluaran dan harga tenaga.

Sumber: BERNAMA

<https://www.portalmalaysia.com/subsidi-malaysia-catat-sejarah-tertinggi-dalam-negara/>